

07 JUL 2000

PROTON WAJA DIPAMER DI PUSAT SAINS NEGARA HARI INI

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Orang ramai yang berkunjung ke Pusat Sains Negara akan berpeluang melihat dari dekat kereta Proton Waja yang dipamerkan di galeri pusat itu, di Bukit Kiara mulai hari ini.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Sains Negara Choong Kok Eng berkata kereta itu akan menjadi bahan pameran tetap di situ dan merupakan tarikan terbaru bagi pengunjung.

Selain model berwarna perak itu, turut dipamerkan ialah prototaip Proton Waja.

Proton Waja, kereta nasional pertama direka bentuk 100 peratus oleh anak tempatan, telah dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei lalu.

Tempahan kereta itu dijangka mula dibuka Ogos ini dan sebanyak 50,000 unit telah ditetapkan bagi jualan tahun pertamanya.

Pusat Sains Negara dibuka dari Sabtu hingga Khamis dari pukul 9 pagi hingga 5 petang. Setiap pelawat dewasa dikenakan bayaran masuk RM6, kanak-kanak berumur antara 6 hingga 12 tahun (RM3), pelajar sekolah rendah RM2 manakala sekolah menengah RM3 seorang.

-- BERNAMA  
SSA RON